




JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

DOSM/BKN/Pahang/12.2020/Siri25

"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."
Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia


Pahang merupakan penyumbang terbesar (4.1 peratus) di antara negeri-negeri di pantai timur kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM56.2 bilion** (2017: RM54.6 bilion). Sektor Perkhidmatan dan Pertanian merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Pahang. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM28.4 bilion (50.6 peratus)** dan **RM12.4 bilion (22.0 peratus)** kepada nilai KDNK Pahang.



Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Pahang, 2018

Sumber gambar: <https://www.pahangtourism.com.my/cameron-highlands/>

"Kerajaan Pahang mengumumkan enam inisiatif baharu melengkapkan 28 inisiatif membabitkan peruntukan keseluruhan RM24.962 juta bagi membantu golongan yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)"
– YB Menteri Besar Pahang, 22 April 2020




Sembilan Negara yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Pahang, 2016-2018

MIDA melaporkan nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Pahang dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM8.9 bilion**. **China** merupakan negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Pahang dengan menyumbang **89.6 peratus** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Pahang.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Pahang 2018

Penduduk : 1.7 Juta
Kepadatan Penduduk : 47/km²



Kadar Kesuburan : 2.2
Kadar Kelahiran Kasar : 16.7
Kadar Kematian Kasar : 5.6

Bil. Hospital : 20 buah
Bil. Klinik Kerajaan : 349 buah

Bil. Katil Hospital
2016 - 2,723 katil
2017 - 2,721 katil




Bil. Doktor
2016 - 2,045 orang
2017 - 2,200 orang

Bil. Jururawat
2016 - 6,669 orang
2017 - 6,823 orang

Sumber: MyLocal Stats Pahang, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk **Pahang** bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM2.9 bilion** (Mac 2019: RM1.7 bilion). Nilai ini menyumbang **1.9 peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Pahang



Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Pahang, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
PAHANG	16,275	12,180	28,456

Pada tahun 2019, Pahang mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM16.3 bilion** dan jumlah import bernilai **RM12.2 bilion**. Keseluruhan jumlah perdagangan bagi negeri Pahang pada 2019 bernilai 28.5 bilion.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)





JABATAN PERANGKAAAN M A L A Y S I A

"Sumbangan tunai RM100 dan barangan keperluan dapur bernilai RM50 seorang kepada 565 nelayan tidak berlesen dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM84,750." – **BH Online, 22 April 2020**

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Negeri Pahang, 2017 Dan 2018

	2017	2018
Jumlah ('000) Total	16,491.3	18,111.4
Pelawat harian Excursionist	8,788.1	8,957.2
Pelancong Tourist	7,703.2	9,154.2

Sumber: MyLocal Stats Pahang, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Pahang menerima 18.1 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 8.96 juta (49.5 peratus) merupakan pelawat harian dan 9.15 juta (50.5 peratus) adalah pelancong.

Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang Di Pahang, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	212,040	209,059	211,864
Antarabangsa	35,717	32,255	46,952
Jumlah	247,757	241,314	258,816

Sumber: MyLocal Stats Pahang, 2018


Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Pahang telah meningkat kepada 0.25 juta berbanding 0.24 juta pada tahun 2017.

BULETIN KHAS NEGERI

Statistik Utama Tenaga Buruh, Pahang, 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	735.6	716.6	19.0	66.6	2.6
2019	741.0	719.5	21.4	66.4	2.9


Pada tahun 2019, **penduduk bekerja** di Pahang adalah **719.5 ribu orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **66.4 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 meningkat kepada **2.9 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 2.6 peratus dicatatkan tahun 2018.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019

Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Pahang

Pada tahun 2019, Industri **pertanian, perhutanan dan perikanan** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Pahang iaitu **149.3 ribu pekerja (20.8 peratus)** diikuti dengan industri **perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 123.6 ribu pekerja (17.2 peratus)**. Industri **pembuatan dan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** masing-masing mencatatkan **80.0 ribu pekerja (11.1 peratus)** dan **77.4 ribu pekerja (10.8 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **59.8 peratus** pekerja di Pahang.



Sumber: Population Quick Info

Unjuran Penduduk Negeri Pahang, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Pahang boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Pahang dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 67.9 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 24.6 peratus dan kumpulan umur tua 7.5 peratus.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Pahang, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PAHANG	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	4,585	5,228	3,389	3,979
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.6	"	8.0
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	6,141	6,958	4,343	5,012
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.2	"	7.2
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Pahang, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Apr	Mac	Apr
Jumlah	118.6	118.6	114.9
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	130.8	132.4	132.2
Minuman Alkohol dan Tembakau	175.5	175.8	175.8
Pakaian dan Kasut	95.3	94.9	94.9
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	116.8	118.4	111.9
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	115.8	117.3	117.0
Kesihatan	118.9	121.1	121.1
Pengangkutan	111.2	99.4	83.1
Komunikasi	96.8	104.3	104.3
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	106.3	107.4	107.4
Pendidikan	117.7	120.9	120.3
Restoran dan Hotel	121.2	120.9	120.9
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	111.2	113.1	112.8

Sumber: IHP, April 2020

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Pahang, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PAHANG	
	2014	2016	2014	2016
Pekali Gini				
<i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.360	0.324
Insiden Kemiskinan				
<i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.7	0.2

Sumber: HIS, 2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Pahang, 2016

	MALAYSIA		PAHANG
	2014	2016	2016
Penengah (RM)			
<i>Median</i>			
Terendah 40% -B40		3,000	2,722
Pertengahan 40% -M40		6,275	4,648
Tertinggi 20% -T20		13,148	9,049
Purata (RM)			
<i>Mean</i>			
Terendah 40% -B40		2,848	2,589
Pertengahan 40% -M40		6,502	4,791
Tertinggi 20% -T20		16,088	10,302

Sumber: HIS, 2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Pahang, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PAHANG	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	2,946	3,314	2,577	2,754
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	5.9	"	3.3
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	3,578	4,033	2,963	3,316
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.0	"	5.6
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Pahang menurun 3.1 peratus pada April 2020 kepada 114.9 berbanding 118.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP April 2020 Pahang menurun 3.1 berbanding Mac 2020.


"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020






Statistik COVID-19 Negeri Pahang


Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Pahang




Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Pahang




Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Pahang



Peratusan Kes Pahang Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 28 Jun 2020
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Pahang

Perkhidmatan Klinik

Perkhidmatan kesihatan adalah termasuk dalam kategori *essential services*. Terdapat lebih 200 klinik swasta beroperasi di seluruh negeri Pahang. Perkhidmatan klinik beroperasi dalam tempoh masa yang terhad. **Kesannya, hasil pendapatan mengalami penurunan hampir 70%** berikutan bilangan pesakit yang berkurangan. Pengusaha masih berupaya menanggung kos seperti sewa dan utiliti untuk tempoh beberapa bulan. Namun, untuk jangka masa yang panjang mereka akan menghadapi masalah mendapatkan stok ubat-ubatan disebabkan isu pembekal dan pengangkutan.



Perkhidmatan Perhotelan

Makluman Perintah Kawalan Pergerakan turut memberi impak kepada sektor perhotelan di Pahang. Rentetan daripada arahan tersebut, industri perhotelan di negeri Pahang tentunya berdepan dengan kemerosotan pendapatan kerana kebanyakan pelanggan telah membuat pembatalan tempahan bilik secara mendadak bermula minggu kedua Mac. Selain itu, tempahan dewan bagi acara mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran juga dibatalkan kerana program yang dijadualkan akan dianjurkan pada tempoh PKP tidak dapat dilaksanakan. **Kadar penginapan (occupancy rate) bagi industri tersebut di negeri Pahang adalah di bawah 8%**. Ini secara langsung akan memberikan kesan yang begitu drastik kepada **pendapatan sektor perhotelan yang mengalami kemerosotan lebih 90% pada suku pertama tahun 2020**.



Perkhidmatan Pengangkutan Teksi

Pengusaha teksi yang beroperasi di sekitar daerah Kuantan terjejas dengan penularan wabak COVID19 sejajar dengan arahan kerajaan berhubung dengan pelaksanaan PKP. **Maklumat yang diterima daripada pemandu teksi dan perkhidmatan e-hailing, hasil pendapatan seharian berkurangan hampir 90%**.

Dianggarkan hampir 18,000 pemandu teksi di Pahang terkesan dari segi pendapatan sejak PKP dikuatkuasakan.



Perkhidmatan Pengangkutan Lori

Lebih 80% sektor pengangkutan terjejas walaupun dianggap sebagai perkhidmatan penting dan dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP. Syarikat menggaji pemandu lori yang menyara hidup melalui komisen penghantaran barangan. Pendapatan bulanan pemandu biasanya antara RM4,000 hingga RM5,000 bagi pemandu sepenuh masa terjejas kerana **syarikat mengalami kemerosotan sumber pendapatan sehingga 40% - 60%**.



Perkhidmatan Pengangkutan Bas

Pengusaha bas ekspres turut terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan maklumat yang diperoleh mendapati bahawa **hasil jualan tiket kepada penumpang menurun dengan begitu drastik iaitu hampir 80% berbanding sebelumnya**.





Impak Covid-19 di Pahang

Perkhidmatan Kafe Siber dan Pusat Internet

Pelaksanaan PKP telah memberi impak kepada 93 pengusaha kafe siber/pusat internet di negeri Pahang yang tidak dibenarkan untuk meneruskan operasi. Senario ini telah memberi kesan yang ketara kepada pendapatan para pengusaha kafe siber/pusat internet yang **mengalami penurunan sehingga 70% - 90%**. Sebagai langkah menangani isu ini, Kerajaan Negeri Pahang telah mengumumkan inisiatif dalam membantu pengusaha yang terjejas dengan memberikan pemotongan 50% bayaran sewa premis bagi bulan April 2020 dan lain-lain kemudahan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung untuk memastikan kesinambungan perusahaan mereka dalam tempoh yang sukar ini.



Perkhidmatan Pengangkutan (Aktiviti kurier selain daripada aktiviti pos nasional)

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari syarikat yang menjalankan aktiviti perkhidmatan pos dan kurier, kebanyakan syarikat melaporkan **mengalami peningkatan atau lambakan barangan untuk penghantaran sehingga 50% sepanjang PKP Fasa 1 dan Fasa 2**.

Lambakan barangan ini adalah disebabkan pembelian secara atas talian yang semakin meningkat kerana berlaku *panic buying* selepas pengumuman pelanjutan PKP dan pembelian barangan keperluan seperti *facemask*, *hand sanitizer* serta barangan lain.



Perkhidmatan Kedai Perabot

Terdapat 270 kedai perabot yang aktif di seluruh negeri Pahang dan tidak dapat beroperasi hingga kini. Tinjauan terhadap pengusaha industri ini menyatakan bahawa PKP telah memberi kesan kepada nilai jualan bulanan mereka dengan **kemerosotan nilai jualan 40% - 60%**. Para pekerja dalam subsektor ini yang terdiri daripada kerani, pekerja pemasangan dan pemandu lori turut terjejas kerana kedai tidak beroperasi.



Perkhidmatan Jualan Runcit Komputer dan Aksesori

Terdapat 186 syarikat jualan runcit komputer dan aksesori yang beroperasi di Negeri Pahang masih menutup operasi perniagaan sepanjang tempoh PKP. Beberapa pengusaha perniagaan ini menyatakan **mengalami penurunan pendapatan sehingga 80% - 90%** bagi bulan Mac dan April 2020.



Perkhidmatan Dobi Layan Diri

Perkhidmatan dobi layan diri tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP bagi mengelakkan orang ramai berkumpul. Larangan ini telah **menjejaskan hasil pendapatan pengusaha dobi layan diri sehingga 70% - 90%**. Di sekitar Kuantan sahaja terdapat lebih 30 pusat perkhidmatan dobi yang telah ditutup.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Perkhidmatan Jualan Pakaian, Kasut dan Barangan Kulit

Perniagaan dalam subsektor ini berhadapan kemerosotan dalam prestasi perniagaan sepanjang tempoh PKP yang mana **hasil jualan menurun di antara 70% hingga 90%**. Ia termasuklah butik pakaian, kedai pakaian seragam dan kedai kasut & barangan kulit. Terdapat hampir 600 syarikat yang aktif di seluruh negeri Pahang.



Perkhidmatan Makanan dan Minum

Pelaksanaan PKP telah memberi impak kepada subsektor makanan dan minuman di negeri Pahang. Ini telah memberi kesan **penurunan yang ketara kepada hasil pendapatan para pengusaha dan peniaga restoran atau kedai makan iaitu hampir 60%**.

Kerajaan Negeri Pahang telah mengumumkan inisiatif dalam membantu para peniaga yang terjejas ini iaitu dengan memberi penangguhan pembayaran sewa premis perniagaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bagi bulan April hingga Jun 2020.

Selain itu, pemotongan 50% bagi bayaran bulanan April 2020 untuk bayaran sewa gerai dan lain-lain kemudahan yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan.



Perkhidmatan *Pet Shop*

Pet Shop antara premis yang masih dibenarkan beroperasi di bawah kawasan Majlis Perbandaran Kuantan tetapi hanya dibenarkan beroperasi 2 jam sahaja, iaitu bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Manakala di bawah kawasan seliaan Majlis Perbandaran Temerloh, premis ini dibenarkan beroperasi bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang. Justeru, pengusaha *Pet Shop* merasakan hasil pendapatan mereka tetap terkesan kerana pengguna kurang mendapatkan perkhidmatan dan jualan produk semasa tempoh PKP.

Peniaga memaklumkan jualan mereka **merosot sehingga 70% dalam tempoh PKP ini** dan menyebabkan mereka menghadapi masalah aliran tunai di samping perlu menanggung kos utiliti dan sewaan premis.



Sektor Pembinaan

Sumber daripada CIDB Pahang menyatakan bagi tempoh 1 Januari hingga 18 Mac 2020 terdapat 2,971 kontraktor yang mana majoritinya adalah dari kontraktor kelas G1 (1,586 kontraktor).

Kesan kepada kontraktor di mana syarikat perlu menanggung kos gaji pekerja serta kerja pembinaan terpaksa ditangguhkan.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Pembuatan Produk Makanan

Bagi industri pengilangan tepung, berlaku peningkatan jualan berpunca daripada jualan secara runcit yang mana pembeli membeli secara terus di kilang serta pertambahan permintaan melebihi kebiasaan. Sehubungan dengan itu, **jualan diunjurkan meningkat 30%** sepanjang tempoh PKP.



Pembuatan Kimia dan Produk Kimia

Permintaan subsektor kimia, getah dan plastik merupakan penyumbang utama sektor pembuatan di negeri Pahang iaitu 41.7% nilai KDNK sektor ini. Bagi industri Pembuatan Kimia dan Produk Kimia di kawasan Perindustrian Gebeng, kebanyakan kilang beroperasi seperti biasa semasa PKP dikuatkuasakan dan **tidak menjejaskan prestasi pengeluaran.**




Pembuatan Minyak Sawit Mentah

Hasil kajian mendapati sejak PKP dikuatkuasakan, subsektor ini **memperoleh kenaikan jualan 30%-35% pada bulan Mac dan April 2020.** Ini adalah kerana permintaan yang tinggi daripada pelanggan bagi persediaan awal menghadapi PKP dalam menangani penularan virus COVID-19.



Pembuatan Besi dan Keluli

Syarikat menganggarkan **pengurangan pengeluaran 60% - 70%** disebabkan penutupan sementara operasi pengeluaran dalam tempoh PKP. Mengikut perancangan, syarikat dijangka memulakan pengeluaran sepenuhnya pada tahun ini dengan kapasiti 3.5 juta tan setahun. Kilang hanya beroperasi dengan pekerja yang minimum bertujuan untuk *maintaining machinery*.



Pembuatan Produk Berasaskan Getah

Syarikat pengeluaran produk berasaskan getah di negeri Pahang tidak beroperasi sepanjang PKP. Terdapat 15 syarikat pembuatan yang aktif dalam industri ini. Penemuan kajian ini **mendapati nilai jualan syarikat merosot di antara 30% - 40%** disebabkan penutupan di bahagian pengeluaran produk dan juga tiada bahan mentah untuk diproses.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Pertanian - Tanaman

Di negeri Pahang, Daerah Temerloh mempunyai keluasan tanaman tembikai yang terbesar dengan anggaran kawasan tanaman 728 hektar. Pengusaha **tanaman tembikai menghadapi masalah dalam memasarkan tanaman** mereka memandangkan harga pasaran tembikai jatuh sehingga 70 sen sekilo disebabkan kekurangan permintaan berikutan PKP. Harga pasaran sebelum ini adalah di antara RM1.50 hingga RM1.80 sekilo.

Majoriti pengeluaran buah strawberi di Semenanjung Malaysia adalah dari daerah Cameron Highlands. Penjualan buah strawberi konsisten dengan kedatangan jumlah pelancong ke tanah tinggi tersebut. Pelaksanaan PKP telah memberi kesan yang tinggi kepada jumlah pelancong seterusnya mengakibatkan **hasil jualan buah strawberi merudum hingga 60% - 80%**. Ketiadaan pelancong mengakibatkan buah strawberi yang dituai tidak terjual seperti kebiasaannya.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pengusaha sayuran di Cameron Highland, wabak COVID19 tidak memberikan kesan ketara kepada hasil tanaman melainkan faktor cuaca yang menyebabkan keluasan tanaman yang perlu dikurangkan. Namun dari segi pasaran, ia agak terjejas memandangkan pengusaha tidak dapat memasarkan hasil tanaman mengikut kuantiti seperti sebelum ini kerana pemborong sayur tidak mahu mengambil stok yang banyak disebabkan PKP. Pemasaran sayuran menurun

di antara **30% hingga**

40% yang secara tidak langsung menyebabkan hasil jualan terjejas.



Pertanian - Perikanan

Pengeluaran akuakultur di Temerloh merekodkan lebih **14,000 tan metrik** ikan pelbagai spesies seperti patin dan tilapia. Di Temerloh, bilangan sangkar ternakan ikan air tawar dianggarkan **3,273** unit dengan bilangan pengusaha melebihi **350 orang**.



PKP Fasa 1 dan Fasa 2 memberi kesan yang signifikan kepada pengusaha kolam ikan air tawar di Pahang disebabkan oleh **kurangnya permintaan daripada pemborong dan peniaga**. Peniaga di pasar yang mempunyai struktur bangunan kekal sahaja dibenarkan beroperasi dalam tempoh yang terhad. Peniaga ikan di pasar tani, pekan sehari serta pasar malam tidak membeli bekalan seperti biasa kerana operasi mereka diarahkan tutup sepenuhnya. Ini sekali gus **mengurangkan permintaan ikan akuakultur/ sangkar sehingga lebih 60%**.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

BULETIN KHAS NEGERI

#DOSMBACA #DUDUKDIRUMAH

Berita Harian, 19 Mac 2020 (Khamis)

COVID-19: Kerajaan Pahang Arah Tutup Kedai Mulai 7 Malam

Shahrinnahar Latib, bhnews@bh.com.my
KUANTAN: Kerajaan Pahang menetapkan larangan Perintah Kawalan Pergerakan dengan menutup beberapa premis perniagaan bermula jam 7 malam di lima daerah positif COVID-19 bermula Sabtu ini.



<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/666958/covid-19-kerajaan-pahang-arrah-tutup-kedai-mulai-7-malam>

The Star, 31 Mac 2020 (Selasa)

Pahang's Initiatives to Tide the People Over During MCO

Ong Han Sean
KUANTAN: The state government will continue with its eight initiatives to assist the people of Pahang and complement the Federal Government's Prihatin Rakyat economic stimulus package.

<https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/03/31/pahangs-initiatives-to-tide-the-people-over-during-mco>

Berita Harian, 5 April 2020 (Ahad)

Bekalan Makanan, Keperluan Harian di Pahang Mencukupi

Mohd Rafi Mamat, bhnews@bh.com.my
KUANTAN: Pengguna di Pahang tidak perlu bimbang kerana bekalan makanan dan barangan keperluan harian di negeri ini mencukupi.



<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/673257/bekalan-makanan-keperluan-harian-di-pahang-mencukupi>

Sinar Harian, 9 April 2020 (Khamis)

Tukang Gunting Terjejas Sepanjang PKP

Roselawati Rosedi
TEMERLOH - Khidmat tukang gunting kini semakin diperlukan tetapi pergerakan yang terhad menghalang mereka untuk bekerja selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sejak 18 Mac lalu.

<https://www.sinarharian.com.my/article/78055/EDISI/Pahang/Tukang-gunting-terjejas-sepanjang-PKP>

Penafian: Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

Sinar Harian, 19 Mac 2020 (Khamis)

Pahang Umum Bantuan Khas RM2 juta

Nor Khalilah Gusti Hassan

KUANTAN - Kerajaan Pahang dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menyediakan peruntukan berjumlah RM2 juta sebagai bantuan khas kepada rakyat negeri itu yang terjejas sumber pendapatan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan Coronavirus (Covid-19).

<https://www.sinarharian.com.my/article/74579/EDISI/Pahang/Pahang-umum-bantuan-khas-RM2-juta>

The Star, 1 April 2020 (Rabu)

Five New Initiatives to Help People in Pahang

Ong Han Sean

KUANTAN: The Pahang government has announced another five initiatives to protect the welfare of the people, on top of the previous eight initiatives unveiled earlier.

<https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/04/01/five-new-initiatives-to-help-people-in-pahang>

New Straits Times, 20 April 2020 (Isnin)

Pahang Regent: State Government Should Plan for Post Covid-19

TN Alagesh

KUANTAN: The state has been urged to expedite efforts to draw up plans for the post Covid-19 economic initiatives including adjusting to the anticipated socio-economic "new normal".

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/585964/pahang-regent-state-government-should-plan-post-covid-19>

Astro Awani, 8 Mei 2020 (Jumaat)

Kerajaan Pahang setuju laksana PKPB, ubah suai SOP berkaitan - MB

Noraniza Kamsani



KUANTAN: Kerajaan Negeri Pahang bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), setelah mengkaji dan memperhalusi serta melakukan pengubahsuaian wajar ke atas Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-pahang-setuju-laksana-pkpb-ubah-suai-sop-berkaitan-mb-242069>

